

# **BAB 2**

Selain itu peruntukan pada Seksyen 13(1). **Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979** juga menyebut :

*Pendaftar setelah dibuktikan kepadanya dengan ikrar bahawa pernikahan yang dicadangkan itu akan mengikut peruntukan Enakmen ini, hendaklah melalui borang yang ditetapkan, memberi kebenaran pernikahan kepada pihak tersebut.*

Manakala Seksyen 16. **Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979** menyebut dengan khusus tentang perlunya kebenaran sebelum pihak-pihak tersebut melangsungkan perkahwinan. Seksyen ini memperuntukan ;

*Tiada sesuatu pernikahan boleh dinikahkan melainkan suatu perakuan untuk pernikahan itu yang dikeluarkan oleh Pendaftar, suatu kebenaran pernikahan itu di bawah seksyen 13 atau suatu kebenaran bertulis dari Mahkamah di bawah seksyen 17 telah diserahkan kepada orang yang akan menjalankan pernikahan itu.*

Oleh itu perkahwinan yang dilangsungkan dengan tidak mengikut peruntukan-peruntukan yang telah dinyatakan di dalam **Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979** ini adalah dianggap tidak sah dan tidak boleh didaftarkan di bawah enakmen tersebut<sup>3</sup>. Begitu juga jika sesuatu perkahwinan itu dilangsungkan dengan tanpa kebenaran sama ada di dalam atau di luar negeri Kedah.

---

<sup>3</sup> Lihat Seksyen 9. **Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979**.

## 2.2 Definisi Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Definisi perkahwinan tanpa kebenaran terdapat di dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979<sup>4</sup>, tetapi masyarakat di Negeri Kedah mengenalinya dengan "Kahwin Lari"<sup>5</sup>. Perkahwinan tanpa kebenaran di dalam Negeri Kedah boleh berlaku apabila seseorang berkahwin di daerah atau di negeri lain tanpa terlebih dahulu memohon kebenaran untuk berkahwin di luar daerah, termasuk juga perkahwinan melalui sindiket nikah palsu. Perkahwinan tanpa kebenaran mengikut takrif Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979 ialah<sup>6</sup>;

*Tiada sesuatu pernikahan boleh dinikahkan melainkan suatu perakuan untuk pernikahan itu yang dikeluarkan oleh Pendaftar, suatu kebenaran pernikahan itu di bawah seksyen 13 atau suatu kebenaran bertulis dari Mahkamah di bawah seksyen 17 telah diserahkan kepada orang yang akan menjalankan pernikahan itu.*

Oleh itu perkahwinan tanpa kebenaran termasuk juga perkahwinan yang tidak dipersetujui oleh wali pengantin perempuan dan perkahwinan yang diakadnikahkan oleh wali tahkim tanpa kebenaran wali dan tanpa kebenaran pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk sesuatu Daerah. Menurut Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah, Penolong Pendaftar tidak boleh mengkadnikah bagi pasangan yang di luar mukimnya kecuali setelah mendapat kebenaran Pendaftar<sup>7</sup>. Justeru,

<sup>4</sup> Seksyen 32, Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979.

<sup>5</sup> 'Kahwin Lari' dimaksudkan dengan sesuatu perkahwinan yang tidak mengikut syarat dan prosedur yang ditetapkan oleh Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979. Lihat risalah 'Perkahwinan Berperaturan' terbitan Bahagian Penguatkuasaan dan Pendakwaan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah pada Lampiran V-18.

<sup>6</sup> Ibid. Seksyen 16.

<sup>7</sup> Ibid. Seksyen 14.

pasangan-pasangan yang ingin berkahwin dengan cara yang mudah akan melangsungkan perkahwinan mereka di luar negara khususnya di negara jiran seperti Thailand kerana di Malaysia perkahwinan secara wali Sultan memerlukan siasatan Hakim atau mengikut prosedur undang-undang keluarga Islam yang ditetapkan. Manakala di luar negara orang-orang yang mengkad nikah bebas mengkadnikahkan pasangan tersebut dengan menggunakan kuasa wali raja.

Sijil Perakuan Perkahwinan luar negara tidak diiktiraf oleh **Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979**, melainkan mengikut prosedur yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 97 dan 98 enakmen ini. Justeru, pasangan yang berkahwin di luar negara yang ingin mendaftarkan perkahwinan mereka perlu memohon kepada JHEAIK untuk pendaftaran tersebut. Sebelum sebarang pendaftaran di buat JHEAIK akan menyiasat perkara-perkara yang berkaitan seperti wali, tempat perkahwinan, mas kahwin, saksi dan sebagainya. Sekiranya pihak-pihak tersebut di dapati bersalah melangsungkan upacara perkahwinan dengan tidak mengikut peraturan atau melanggar peruntukan di dalam Enakmen Keluarga Islam, hukuman seperti denda atau penjara akan dikenakan oleh Mahkamah Syariah. Seterusnya selepas dijatuhkan hukuman maka proses pengesahan dan pendaftaran perkahwinan akan dilakukan di Pejabat Agama.

Biasanya perkahwinan tanpa kebenaran berlaku di luar negeri iaitu perkahwinan yang dilakukan di luar daripada daerah atau negeri pemastautin pasangan terlibat. Kajian menunjukkan bahawa antara negara-negara yang terlibat dalam berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran ialah Thailand, Indonesia, Mesir,

India, England, Hong Kong dan Australia. Berdasarkan laporan dan statistik yang dibuat didapati perkahwinan seperti ini sering dilakukan di Negara Thailand. Wilayah Selatan Thailand sering menjadi pilihan untuk berkahwin oleh rakyat Malaysia yang bermastautin di negeri-negeri yang bersempadan dengan Thailand seperti Perlis, Kedah, Kelantan dan Perak. Perkahwinan yang dilangsungkan ini tidak boleh didaftarkan dan menyukarkan pasangan yang terlibat dalam berurusan terutama untuk permohonan pendaftaran perkahwinan atau kelahiran anak. Penyiasatan terhadap pasangan dibuat bagi memastikan bahawa perkahwinan tersebut dilakukan dengan mengikut kaedah syarak dalam perkara rukun dan syaratnya<sup>8</sup>.

Negara Thailand mempunyai ramai jurunikah yang ditauliahkan oleh Majlis Agama Islam khususnya Wilayah-Wilayah di Selatan Thailand. Jurunikah-jurunikah tersebut bebas menikahkan pasangan yang ingin bernikah menggunakan wali hakim. Kes-kes perkahwinan di Selatan Thailand boleh dikategorikan kepada beberapa bahagian seperti: boleh didaftar, tidak boleh didaftar, dibatalkan perkahwinan, diperintah "mufaraqah" oleh Mahkamah jika mengguna surat nikah palsu dan sebagainya.

Antara faktor yang mendorong pasangan terlibat memilih untuk berkahwin tanpa kebenaran di Selatan Thailand adalah seperti poligami, tidak mendapat

---

<sup>8</sup>. Temubual bersama Tuan Syeikh Abd. Ghani Othman, Ketua Pendakwa Syarie Negeri Kedah pada 17 Januari 2001 bertempat di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, Alor Setar, Kedah.

persetujuan wali, berkahwin dengan rakyat negara tersebut, kewujudan sindiket yang mengurus perkahwinan dan sebagainya.

### 2.3 Latar Belakang Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Perkahwinan tanpa kebenaran yang biasanya dilakukan di luar negara oleh rakyat Malaysia yang bermastautin atau bermukim di dalam negeri Kedah berlaku kerana beberapa sebab berikut:-

a. Jalinan keturunan dan kekeluargaan, hubungan pekerjaan, pertanian, perniagaan, perindustrian, pelajaran, penghijrahan, pelancongan, dan sebagainya. Thailand merupakan negara yang paling hampir dengan negeri ini dan boleh dikatakan sebagai sasaran utama berlakunya masalah tersebut. Laluan dekat melalui daerah Pengkalan Hulu ialah Betong, dari Bandar Bukit Kayu Hitam ke Dannok, Hadnyai manakala melalui jalan laut dari Kuala Perlis, Pulau Langkawi ke Setol, Singgora<sup>9</sup>.

b. Faktor sejarah, berlaku perhubungan Negeri Kedah dengan bantuan bahagian Selatan Thailand sejak keagungan kerajaan Melayu Pattani dan kerajaan Negeri Kedah dijajah oleh Thailand sehinggalah Perjanjian Bangkok tahun 1909 di mana negeri ini telah jatuh ke tangan British<sup>10</sup>.

<sup>9</sup> Ibid.

<sup>10</sup> Ahmad Fathi al-Fatani (2001), *Ulama Besar Dari Pattani*, Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Antara kesan pengaruh Thailand di negeri Kedah adalah seperti penggunaan Bahasa Thailand yang dijadikan bahasa harian oleh penduduk beberapa daerah di negeri Kedah. Ini disebabkan terdapat penduduk di negeri ini yang berketurunan Siam seperti di daerah Sik, Padang Terap, Kubang Pasu, Pendang dan Pulau Langkawi serta berlaku juga integrasi sosial yang memudahkan hubungan dibuat untuk sesuatu tujuan perkahwinan<sup>11</sup>.

Justeru, kesan integrasi dua hala antara rakyat Thailand dan Malaysia terutamanya negeri Kedah memudahkan pasangan-pasangan ini mengambil langkah mudah berkahwin tanpa kebenaran di Selatan Thailand, di mana kebanyakannya mempunyai masalah untuk melangsungkan di dalam negeri.

- c. Imam-imam di Thailand bersedia mengkad nikah pihak terlibat dengan jalan yang mudah. Para imam serta jurunikah kurang memeriksa dengan terperinci maklumat atau identiti sebelum menjalankan akad nikah.
- d. Sikap masyarakat terhadap perkahwinan ini juga tidak menunjukkan kesungguhan di mana mereka tidak menolak secara terang-terangan perkahwinan sedemikian. Oleh itu, kegiatan tersebut sentiasa berterusan.
- e. Terdapat pasangan yang berhasrat untuk berkahwin di Selatan Thailand tetapi tidak mengetahui caranya, oleh itu jalan yang terbaik ialah dengan menggunakan khidmat pihak-pihak tertentu terutama kenalan yang

---

<sup>11</sup> Op.cit temubual bersama Syeikh Abd. Ghani Othman.

mengetahui selok belok Negeri Thailand dan tempat-tempat yang menyediakan perkhidmatan menguruskan upacara akadnikah<sup>12</sup>.

- f. Terdapat sindiket yang menawarkan khidmat untuk menguruskan perkahwinan membawa pasangan dari Kedah untuk berkahwin di selatan Thailand. Tetapi pasangan tersebut menyembunyikan identiti sindiket tersebut.

#### 2.4 Cara Penyasatan Kes Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Perkahwinan di luar negara yang mendapat kebenaran akan disiasat oleh Pendaftar Nikah, Cerai & Rujuk dan ianya kemudian didaftarkan tanpa perlu merujuk kepada mahkamah. Begitu juga bagi mendaftarkan perkahwinan tanpa kebenaran ianya akan dilakukan oleh Pegawai Tadbir Agama Islam terlebih dahulu, secara tertutup di dalam kamarnya bagi memastikan status sah atau tidak perkahwinan itu. Pegawai Tadbir Agama boleh memanggil mana-mana orang bagi memberi apa-apa keterangan termasuk pemohon sendiri dengan menyertakan keterangan nikah iaitu surat nikah, surat cerai, jika telah bercerai, pasport atau pas sempadan atau apa-apa dokumen rasmi atau saksi-saksi yang berkaitan<sup>13</sup>. Prosedur siasatan adalah seperti berikut :-

---

<sup>12</sup>. Ibid.

<sup>13</sup>. Temubual bersama Syeikh Mohd Roze Bin Abdul Wahab, Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Kedah pada 17 Januari, 2001



- a) Kedua-dua pemohon mesti hadir di hadapan Pegawai Tadbir Agama Daerah dan berikrar menyatakan bahawa percakapan mereka adalah benar berkaitan pernikahan.
- b) Pegawai Tadbir Agama akan mengambil keterangan daripada pemohon lelaki berkaitan perkahwinan beliau seperti <sup>14</sup>:-
- i. Tempat perkahwinan
  - ii. Tarikh perkahwinan
  - iii. Nama perempuan yang dikahwini
  - iv. Status wali
  - v. Pekerjaan pemohon
  - vi. Sebab-sebab berkahwin tanpa kebenaran
  - vii. Marhalah (jarak) tempat perkahwinan
  - viii. Dokumen perjalanan
  - ix. Penalti yang telah dikenakan
  - x. Cara-cara perkahwinan diakad (ijab kabul)
  - xi. Ta'liq pernikahan
  - xii. Poligami atau tidak
- c) Pegawai Tadbir Agama akan mengambil keterangan daripada pihak perempuan berkaitan perkahwinan secara keseluruhannya sepertimana yang difail keterangan daripada pemohon lelaki. kecuali beberapa perkara yang berkaitan dengan status pemohon sama ada dara atau janda. Jika sekiranya janda siasatan tentang status janda serta edahnya akan dilakukan.
- d) Pegawai Tadbir Agama akan memfailkan keterangan daripada wali perempuan berkaitan pernikahan seperti berikut :-
- i. Nama wali
  - ii. Hubungan wali dengan pemohon perempuan
  - iii. Marhalah kedudukan wali ketika perkahwinan pemohon

<sup>14</sup> Temubual bersama Sheikh Ahmad bin Salleh, Pegawai Agama Daerah Kota Setar pada 5 Februari 2001, bertempat di Pejabat Agama Islam Daerah Kota Setar.

- e) Pegawai Tadbir Agama akan mengambil keterangan daripada dua orang saksi berkaitan pernikahan tersebut seperti berikut :-
- i. Nama saksi-saksi
  - ii. Bagaimana mereka mengetahui perkahwinan itu.
  - iii. Marhalah perkahwinan tersebut.

Semenjak penguatkuasaan enakmen ini, terdapat kes-kes perkahwinan yang terpaksa dibatalkan kerana upacara akadnikah dilakukan tidak mengikut hukum syarak atau meragukan. Terdapat juga kes-kes perkahwinan tanpa kebenaran yang didapati tidak sah atau menimbulkan keraguan pada syarak kerana pemohon sendiri tidak dapat membuktikan bahawa wali enggan memberi kebenaran atau tidak dapat memastikan tatacara perkahwinan itu dilakukan samada secara wali hakim atau tahkim dan sebagainya. Menurut Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979, "Wali Hakim" erti wali yang ditauliahkan oleh Raja untuk menikahkan perempuan yang tidak mempunyai wali<sup>15</sup>. Manakala "Wali Tahkim"<sup>16</sup> pula ialah seseorang yang dilantik oleh seseorang perempuan yang mempunyai kuasa penuh terhadap dirinya untuk menikahkannya di tempat yang tidak mempunyai wali hakim atau kadhi<sup>17</sup>.

Cara siasatan dibuat ialah dengan Pegawai Tadbir Agama terlebih dahulu meminta kedua-dua pihak iaitu suami isteri hadir semasa siasatan di buat<sup>18</sup> Sebagai contoh dalam kes *Awang Saidin Bin Moxin & Sharifah Binti Osman Lawan MAJK*

---

<sup>15</sup> Op.cit seksyen 2.

<sup>16</sup> Takrif "Wali Tahkim" telah dinyatakan dengan jelas di dalam Jawatankuasa Fatwa, Majlis Agama Islam Negeri Kedah seperti yang terdapat pada Lampiran J

<sup>17</sup> Temubual bersama Syeikh Kasim bin Saad, Pegawai Penyelidik JHEAIK, pada 11 September 2002 bertempat di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, Alor Setar Kedah.

<sup>18</sup> Rujuk Lampiran B.

<sup>19</sup>. Plaintif yang telah berkahwin tanpa kebenaran di Wilayah Selatan Thailand dan membuat permohonan untuk mendaftarkan perkahwinan tersebut. Setelah siasatan dilakukan oleh Pegawai Tadbir Agama Islam berkaitan pengesahan nikah tanpa kebenaran di Thailand, didapati pihak plaintif, Awang Saidin Bin Moxsin dan Sharifah Binti Osman telah berkahwin di Thailand pada 11.03.1994 dan telah diad nikah oleh Tuan Hj. Abdul Manaf Kayim bin Muhamad dengan menggunakan Wali Hakim. Dalam siasatan yang dilakukan didapati pernikahan ini tidak mendapat kebenaran daripada Pendaftar Nikah, Cerai & Rujuk Daerah. Oleh itu mereka telah dikenakan penalti sebanyak RM 450 bagi plaintif lelaki dan RM 300 bagi plaintif perempuan dan mereka telah bayar denda tersebut.

Keputusan :

Setelah Pegawai Tadbir Agama meneliti keterangan yang telah diberikan dan berpuashati, mereka dibenarkan untuk mendaftarkan perkahwinan mengikut **Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979**<sup>20</sup>.

## 2.5 Jurunikah Perkahwinan

Terdapat keraguan jurunikah di luar negara yang menikahkan pasangan dari Malaysia adalah meragukan. Perkahwinan yang dilakukan itu diakadnikah oleh imam-imam yang tidak dapat dipastikan sama ada mempunyai tauliah atau tidak. Di Thailand, terdapat Pentadbiran Hal Ehwal Agama di Thailand yang diletakkan di

---

<sup>19</sup>. Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar, Perbicaraan Mal No: 33/99

<sup>20</sup>. Rujuk Lampiran C.

bawah Kementerian Dalam Negeri. Pihak Kementerian Dalam Negeri akan melantik seorang Yang DiPertua Agama Islam (YDPA) dan YDPA akan melantik imam-imam bagi setiap daerah (Changwat) dan imam-imam changwat akan melantik imam-imam bagi setiap mukim (Ampur). Peranan imam-imam setiap changwat diberi kuasa penuh untuk mengendalikan semua urusan berhubung dengan kebajikan orang Islam Changwat masing-masing termasuk urusan nikah.

Rundingan di antara Majlis Agama Islam Kedah dengan pihak berkuasa Agama Islam lima wilayah di selatan Thailand iaitu, Songkla, Yala, Narathiwat, Setoi dan Pattani telah diadakan bagi mengawal pasangan dari Malaysia berkahwin di Thailand. Rundingan ini mendapat kerjasama dari pihak berkuasa Agama di sana.. Pertemuan diadakan bagi membincangkan dan mengambil langkah untuk membentaras perbuatan pasangan dari Malaysia berkahwin tanpa kebenaran secara bebas di selatan Thailand<sup>21</sup>.

Wali-wali am di beberapa daerah di selatan Thailand telah mendapat pengiktirafan oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Terdapat hampir 2,000 jurunikah bertauliah yang dilantik oleh Majlis-Majlis Agama Islam Wilayah Selatan Thailand di kelima-lima wilayah yang mempunyai ramai penduduk Islam di selatan Thailand, iaitu Narathiwat, Pattani, Yala, Satun dan Songkla. Di Narathiwat terdapat seramai 500 jurunikah yang boleh menikahkan pasangan yang mempunyai wali, manakala tiga belas lagi untuk menikahkan pasangan tidak berwali atau secara wali

---

<sup>21</sup>. Penulis sendiri telah mengikuti rombongan Majlis Agama Islam Negeri Kedah untuk berbincang dengan Majlis Agama Islam di Thailand pada 04.11.2000 hingga 08.11.2000 .

hakim. Di Yala pula, terdapat lebih kurang 350 orang imam. Manakala imam yang mempunyai tauliah secara wali hakim dua puluh lima orang. Pattani terdapat lebih kurang 400 orang yang mempunyai tauliah untuk menikahkan orang-orang yang mencukupi syarat untuk berkahwin di Thailand manakala imam yang mempunyai tauliah wali hakim seramai tiga belas orang. Di Satun terdapat tujuh orang yang mempunyai tauliah wali am. Manakala di Songkla terdapat tiga puluh orang yang mempunyai tauliah Wali Am<sup>22</sup>.

Pasangan yang hendak berkahwin di Selatan Thailand biasanya disiasat secara lisan dan tiada borang sumpah dikenakan. Manakala perempuan yang bercerai diminta menunjukkan surat cerai atau bersumpah dengan menyebut nama Allah. Ini jelas menunjukkan, bahawa prosedur penyiasatan perkahwinan di Thailand terlalu mudah, segera dan ringkas. Hal ini akan lebih mudah untuk mewujudkan penipuan tentang status janda mengaku anak dara dan sebagainya.

## 2.6 Perkahwinan Di Luar Negeri Yang Boleh Didaftarkan

Perkahwinan di luar negara bermaksud perkahwinan yang dilakukan di luar Malaysia oleh rakyat Malaysia yang bermastautin atau bermukim di dalam negeri Kedah. Perkahwinan di luar negeri adalah diiktiraf sebagai sah dan boleh didaftarkan di bawah **Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979**, jika perkahwinan itu mematuhi prosedur yang ditetapkan<sup>23</sup>. Perkahwinan ini terbahagi

---

<sup>22</sup> . Rujuk Lampiran D

<sup>23</sup> . Lihat Seksyen 97 (1) (a),(b),(c) dan (2) **Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979**.

kepada dua cara. Pertama perkahwinan yang dilakukan dengan mematuhi undang-undang keluarga Islam iaitu dengan membuat permohonan untuk berkahwin di luar negeri, dan mengemukakan alasan-alasan yang munasabah kepada Pendaftar Nikah, Cerai & Rujuk Daerah. Setelah meneliti alasan-alasan tersebut dan berpuas hati, Pendaftar Nikah, Cerai & Rujuk boleh meluluskan pasangan yang ingin berkahwin di luar negeri. Setelah berkahwin di luar negeri pasangan tersebut hendaklah mendaftar di negeri yang mereka tinggal<sup>24</sup>.

Manakala bagi seseorang yang bermastautin atau bermukim dalam negeri Kedah dan telah melangsungkan perkahwinannya di luar negeri dengan sah mengikut hukum syarak, dan pernikahan itu tidak didaftar oleh Pendaftar yang dilantik oleh sultan, maka pihak tersebut hendaklah, membuat permohonan pendaftaran perkahwinan dalam masa enam bulan selepas tarikh pernikahan tersebut. Permohonan tersebut boleh dilakukan di hadapan pendaftar dengan mengemukakan segala dokumen yang sah untuk mendaftarkan pernikahan tersebut. **Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979** membolehkan sesuatu perkahwinan yang dilakukan di luar negeri untuk didaftarkan, dengan syarat pernikahan itu dinikahkan oleh mana-mana pegawai diplomatik Malaysia di luar negeri yang diberikuasa<sup>25</sup>. Seksyen 23 (1) **Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979** memperuntukkan:

*Setelah didaftar sedemikian bolehlah disifatkan sebagai didaftar di bawah enakmen ini melainkan jika pendaftar tidak ada atau jika sebelum tamat tempoh enam bulan salah satu atau kedua-dua pihak kepada perkahwinan itu kembali ke negeri ini tanpa perkahwinan itu didaftar di luar negeri, salah seorang atau*

<sup>24</sup> Seksyen 23, **Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979**.

<sup>25</sup> Seksyen 20 (4) **Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979**.

*kedua-dua pihak hadir di hadapan mana-mana pendaftar dalam negeri Kedah.*

Prosedur bagi orang yang bermastautin dalam negeri Kedah dan ingin berkahwin di luar negeri hendaklah mengemukakan permohonan untuk berkahwin di luar daerah atau negeri di dalam borang permohonan berkahwin di luar daerah (Borang Am 1)<sup>26</sup>. Borang tersebut menyatakan butiran peribadi serta keterangan diri pihak lelaki, perempuan dan wali. Pendaftar daerah boleh membenarkan perkahwinan tersebut dilakukan di luar negeri berdasarkan alasan yang munasabah. Kebenaran berkahwin di luar negeri akan dikemukakan dalam borang kebenaran bernikah di luar daerah atau wilayah dan borang itu perlu dibawa kepada kadi atau jurunikah yang akan mengakadnikah<sup>27</sup>. Setelah berkahwin di luar negeri pihak terlibat perlu mendaftar perkahwinan tersebut dengan segera di negeri Kedah. Sekiranya mana-mana pihak yang ingin berpoligami, permohonan itu boleh dibuat oleh pihak lelaki dengan menggunakan borang permohonan poligami<sup>28</sup> (Borang 7) sebagaimana yang diperuntukan di bawah Seksyen 17. **Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979.**

Setiap kes perkahwinan di luar negeri sama ada dengan kebenaran Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk atau tanpa kebenaran pendaftar perlu hadir ke Pejabat Agama Daerah atau Majlis Agama Islam Negeri untuk membuat permohonan pendaftaran perkahwinan. Sebelum pendaftaran dilakukan, pihak terlibat perlu mengemukakan semua dokumen yang berkaitan. Pegawai penyiasat akan

---

<sup>26</sup> Rujuk Lampiran E.

<sup>27</sup> Rujuk Lampiran F.

<sup>28</sup> Rujuk Lampiran G.

menjalankan siasatan ke atas kes tersebut dan sekiranya berpuas hati bahawa perkahwinan tersebut tiada masalah kerana mendapat kebenaran dan tidak melanggar **Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979**, maka permohonan itu perlu dikemukakan kepada Pegawai Tadbir Agama Islam untuk mendaftarkan perkahwinan tersebut.

Manakala bagi kes perkahwinan yang tidak mendapat kebenaran dari pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk, Pejabat Agama Daerah akan menyerahkan kes tersebut kepada Mahkamah Rendah Syariah kerana melakukan kesalahan melanggar Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah. Jika sekiranya kesalahan tersebut sabit di bawah seksyen 32 (2) Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979, penalti akan dikenakan kepada pihak terlibat dan siasatan kes mal akan dibuat untuk mengesahkan dan mendaftar perkahwinan tersebut.

Sebagai contoh kes perkahwinan di luar negeri dengan kebenaran<sup>29</sup> ialah yang melibatkan *Mohd Rizam Bin Md. Taib & Sunita Mende Lawan Majlis Agama Islam Kedah*. Plaintif, Mohd Rizam telah memohon supaya didaftarkan pernikahannya dengan Sunita Mende. Beliau telah berkahwin dengan isterinya, Sunita Mende seorang warganegara Thailand, di Kg. Tanto Yala, Thailand pada 11.07.1998. Juruakad Nikah bernama Tuan Hj. Mohd Saleh Bin Hj. Awang berjawatan Imam, manakala Wali Nikah ialah Wali Hakim dengan mas kahwin sebanyak RM 84.00 dan belanja sebanyak RM 1.000.00 lain-lain pemberian tiada.

<sup>29</sup>. Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar, Perbicaraan Mal No: 21/98



Sebelum melangsungkan perkahwinan Mohd Rizam telah memohon dari Pendaftar Nikah, Cerai & Rujuk Daerah untuk berkahwin di luar daerah dan telah mendapat kebenaran untuk berkahwin di Thailand.

Di dalam kes ini Mahkamah memutuskan:-

“Setelah diteliti keterangan pemohon dan isteri, maka mahkamah telah bersetuju pernikahan ini adalah mengikut syarak dan enakmen keluarga Islam tahun 1979, dan diluluskan untuk didaftarkan<sup>30</sup>”.

#### 2.6.1 Contoh Kes Perkahwinan Tanpa Kebenaran Yang Boleh Didaftarkan.

Dalam kes *Muhamad Anuar Bin Ismail & Sobiroh Binti Mohamad lwn Majlis Agama Islam Kedah*<sup>31</sup>, Mohamad Anuar Bin Ismail telah berkahwin dengan Sobiroh Binti Muhamad di Australia pada 03.12.1988. Perkahwinan tersebut telah diadkan oleh Sayed Shaban Kandef Jantan, Imam Masjid di Canberra di Australia, dengan mas kahwin sebanyak RM 100.000 tunai (\$50 Australia) dengan berwalikan wali hakim. Taraf perkahwinan pasangan ini ialah kedua-duanya anak teruna dan dara.

Pegawai Tadbir Agama memutuskan untuk membenarkan pasangan ini mendaftarkan pernikahan mereka mengikut seksyen 23, **Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979**, kerana pernikahan mereka mengikut hukum syarak tetapi diberi

---

<sup>30</sup> Rujuk Lampiran H

<sup>31</sup> Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar, Perbicaraan Jenayah 40/98

amaran keras kerana tidak mendapat kebenaran pernikahan tersebut terlebih dahulu daripada Pendaftar NCR Kota Setar<sup>32</sup>.

## 2.7 Perkahwinan Luar Negeri Yang Tidak Boleh Didaftar

Kebanyakan kes perkahwinan yang dijalankan di luar negeri sering dilakukan oleh pasangan yang inginkan jalan mudah. Perkahwinan di luar negeri boleh dilangsungkan dengan mudah dan segera tanpa terlebih dahulu mengikut prosedur perkahwinan seperti yang diperuntukkan di dalam Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979 seperti mendapat kebenaran bertulis dari Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk Daerah. **Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979**<sup>33</sup> telah memperuntukkan kesalahan dan hukuman bagi mana-mana perkahwinan tanpa kebenaran. Seksyen 32 (1) memperuntukan;

*"Seorang yang dengan diketahuinya dan berlawanan dengan Enakmen ini menikahkan atau berbuat sesuatu berupa sebagai pernikahan atau menjalankan upacara pernikahan dengan seorang lain berlawanan dengan mana-mana peruntukan Bahagian II adalah bersalah atas satu kesalahan."*

Perkahwinan tanpa kebenaran oleh rakyat Malaysia yang tinggal tetap dalam negeri Kedah tanpa mengikut kehendak Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah dan bercanggah dengan hukum syarak akan menerima dua akibat iaitu;

---

<sup>32</sup> Rujuk Lampiran 1

<sup>33</sup> Seksyen 32(2.) Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979.

- 1) Tidak boleh didaftarkan, dan
- 2) Dikenakan penalti

Kebanyakan perkahwinan tanpa kebenaran yang dilakukan akan menimbulkan masalah kepada pihak tersebut. Ini kerana, perkahwinan tersebut bukan sahaja tidak dapat didaftarkan, malah penalti serta hukuman penjara juga boleh dikenakan<sup>34</sup>. Selain itu perkahwinan tanpa kebenaran ini juga tidak akan mendapat perlindungan undang-undang dan akan berhadapan dengan pelbagai masalah terutama yang berkaitan dengan undang-undang. Kebanyakan kahwin tanpa kebenaran ini tidak membawa kebahagiaan malah berakhir dengan perceraian.

Semenjak Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979 dikuatkuasakan, terdapat banyak kes yang perkahwinan yang terpaksa dibatalkan kerana perkahwinan itu dilakukan tidak mengikut hukum syarak atau menimbulkan keraguan. Terdapat juga kes yang akad nikah telah disahkan oleh mahkamah tetapi disebabkan tidak ada kebenaran berpoligami, maka perkahwinan tersebut tidak boleh didaftarkan.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah berpendapat bahawa perkahwinan yang dilakukan oleh rakyat negeri ini yang lari dan pergi berkahwin secara wali tahkim adalah tidak sah sekiranya di kawasan itu telah ada kadi dilantik walaupun perlantikan itu dibuat oleh pemerintah yang bukan Islam<sup>35</sup>.

---

<sup>34</sup>. Seksyen 118, Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979.

<sup>35</sup>. Rujuk Lampiran J

Sebagai contoh kes perkahwinan yang tidak boleh didaftarkan ialah *Haris Bin Darus & Munesih Binti Dasuki lwn Majlis Agama Islam Negeri Kedah*<sup>36</sup>.

Plaintif, Haris Bin Darus telah pergi ke Indonesia untuk berkahwin dengan Munesih Binti Dasuki warganegara Indonesia pada 05.05.1997 yang berwalikan bapa saudara dan telah diakad nikah oleh Dr. H. Khumudi, yang berjawatan Pegawai Pencatat Nikah dengan mas kahwin 10,000 Rupiah. Di dalam kes ini Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar memutuskan bahawa pernikahan antara Haris Bin Darus dan Munesih Binti Dasuki adalah tidak sah mengikut syarak kerana wali yang menikahkan pasangan ini adalah tersalah wali kerana Munesih Binti Dasuki dalam masa yang sama masih mempunyai wali Abang Kandung iaitu Ruslanton bin Dasuki. Dan Mahkamah memutuskan supaya pasangan ini hendaklah diakad nikah semula. sementara pernikahan yang terdahulu adalah terbatal<sup>37</sup>.

Manakala terdapat satu kes perkahwinan secara wali tahkim yang dilangsungkan di Thailand dan mahkamah memerintahkan supaya perkahwinan itu dibubarkan dan diakad semula. Kes ini ialah *Morad Bin Shafie & Haslinda Binti Shafie lwn Majlis Agama Islam Negeri Kedah*<sup>38</sup>

Di dalam kes ini plaintif, Haslinda Binti Shafie telah berkahwin dengan Morad Bin Shafie di Songkla, Thailand dengan berwalikan adik kandung plaintif (Haslinda) iaitu Khairun Bin Shafie. Perkahwinan tersebut telah diakad oleh Hj.

---

<sup>36</sup> Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar, Perbicaraan Mal No: 22/98

<sup>37</sup> Rujuk Lampiran K

<sup>38</sup> Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar, Perbicaraan Mal No: 9/96

Abd. Manaf Bin Mohamad berjawatan Imam. Juruakad nikah ini telah diwakilkan oleh wali (adik kandung) Pernikahan berlangsung pada 01.01.1996.

Di dalam kes ini, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar melihat keterangan yang dikemukakan oleh pemohon pada pernikahan 01.01.1996. Mahkamah mendapati bahawa wali yang dalam pernikahan tersebut adalah salah kerana Khairun Bin Shafie (adik kandung) yang telah mewalikan akad nikah kepada Hj. Abd. Manaf Bin Mohamad adalah tidak sah, sedangkan bapa pengantin perempuan masih ada. Oleh itu, mahkamah dapati bahawa pernikahan ini adalah secara Wali Tahkim dan mahkamah membuat keputusan bahawa nikah secara Wali Tahkim adalah tidak sah dengan sebab di Thailand terdapat Kadi yang telah dilantik dan bertauliah. Dengan itu mahkamah memerintahkan supaya pasangan ini berpisah secara mufaraqah dan mahkamah mengeyorkan supaya diakad nikah semula<sup>39</sup>.

Berdasarkan kes-kes yang dilaporkan dan yang dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar, jelas menunjukkan bahawa perkahwinan yang dilangsungkan tanpa kebenaran mengundang banyak masalah yang terpaksa dipikul oleh pasangan terlibat. Implikasi perkahwinan ini ternyata lebih susah daripada upacara perkahwinan yang mudah.

---

<sup>39</sup>. Rujuk Lampiran L

## 2.8 Justifikasi Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Gejala perkahwinan tanpa kebenaran memberi gambaran bahawa undang-undang keluarga Islam negeri Kedah tidak memberi kemudahan kepada pasangan untuk berkahwin di luar negeri, sedangkan perkahwinan itu dibenarkan oleh syarak. Oleh itu, perlu diketahui apakah faktor-faktor yang mendorong pasangan berkahwin tanpa kebenaran di luar negeri.

### 2.8.1 Poligami

Terdapat pasangan yang ingin berpoligami memilih untuk berkahwin tanpa kebenaran di luar negeri untuk mengelak prosedur poligami yang telah diperuntukkan di bawah **Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979**<sup>40</sup>. Oleh itu jalan yang paling mudah untuk berpoligami ialah dengan berkahwin tanpa kebenaran di luar negeri yang tidak memerlukan sebarang prosedur atau proses undang-undang. Selain itu kebanyakan lelaki yang ingin berpoligami akan berkahwin di luar negeri dengan tujuan menyembunyikan perkahwinan mereka daripada pengetahuan isteri pertama atau suami takut menghadapi kebenaran<sup>41</sup>.

Kedadaan ini berlaku kerana untuk berpoligami, kebenaran daripada mahkamah diperlukan sementara isteri yang sedia ada akan dipanggil oleh mahkamah serta permohonan mestilah dibuat mengikut peruntukan yang terdapat

---

<sup>40</sup>. Lihat, seksyen 17 Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979.

<sup>41</sup>. Khafijah Mohd Salleh, Prof. Madya Dr. 'Kahwin Lari', *Al-Islam*, April 1995, Hlm: 10

pada seksyen 17 **Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979**. Kebanyakan kes yang berlaku, isteri yang sedia ada tidak memberi kebenaran untuk berpoligami, maka berlakulah kes poligami tanpa kebenaran. Selain itu kedudukan atau sosial kehidupan seseorang itu juga menjadi salah satu sebab berkahwin tanpa kebenaran di mana hubungan yang rapat antara lelaki dan perempuan yang seterusnya menimbulkan perasaan cinta. Justeru, pasangan tersebut akan cuba untuk meneruskan hubungan mereka dengan pergi berkahwin tanpa kebenaran di luar negeri dengan alasan untuk mengelak dari melakukan maksiat. Pihak lelaki sanggup berkahwin tanpa kebenaran di luar negeri kerana tidak perlu dipanggil isteri pertama untuk dibuat siasatan tentang kemampuan suami sedangkan perkahwinan di negeri Kedah menetapkan bahawa isteri perlu dipanggil untuk siasatan<sup>42</sup>.

Menurut **Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979**, untuk berpoligami pemohon perlu mengisi borang permohonan<sup>43</sup> (Borang 7). Setelah permohonan dibuat pemohon perlu menunggu disiasat oleh mahkamah. Keputusan permohonan akan ditentukan oleh mahkamah sama ada meluluskan permohonan poligami tersebut atau sebaliknya<sup>44</sup>.

Terdapat segelintir golongan yang memberi alasan terpaksa menunggu untuk satu tempoh yang lama bagi berpoligami dengan berkahwin tanpa kebenaran di luar negeri. Selain itu terdapat juga pihak-pihak tersebut yang khuatir permohonan mereka akan ditolak oleh mahkamah seterusnya mengambil keputusan untuk

---

<sup>42</sup>. Ibid seksyen 17 (3)

<sup>43</sup>. Lihat Lampiran G

<sup>44</sup>. Ibid seksyen 17 (ii) (a),(b),(c) dan (d).

berkahwin di luar negeri. Terdapat juga pihak yang berkahwin poligami tanpa kebenaran berikutan tentangan daripada keluarga pihak wanita atau tidak mendapat restu daripada wali perempuan. Oleh itu, untuk berkahwin juga pihak berkenaan mengambil keputusan berkahwin tanpa kebenaran di luar negeri dengan menggunakan wali hakim. Contohnya kes *Zainol Bin Ibrahim & Rusita Binti Zainon @ Zainol lwn Majlis Agama Islam Kedah*<sup>45</sup>

Perkahwinan di antara Zainol Bin Ibrahim dengan Rusita Binti Zainon @ Zainol telah diakadnikahkan pada 01.12.1998 di Wilayah Patani, Thailand. Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar mendapati plaintif telah melakukan dua kesalahan iaitu<sup>46</sup>:-

- 1) Pernikahan Tanpa Kebenaran Seksyen 32(2)
- 2) Poligami Tanpa Kebenaran Seksyen 109

### 2.8.2 Halangan Daripada Ibubapa/Wali

Halangan ibubapa dan wali merupakan faktor berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran. Setelah peminangan ditolak pasangan ini mengambil tindakan pergi berkahwin di luar negeri tanpa kebenaran dengan menggunakan wali hakim. Terdapat juga pasangan yang berkahwin tanpa kebenaran hanya kerana mendapat tahu keluarga gadis tidak menyetujui perhubungan mereka tanpa terlebih dahulu

---

<sup>45</sup> Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar, Perbicaraan Mal No: 72/99

<sup>46</sup> Rujuk Lampiran M



melakukan peminangan. Ini jelas menunjukkan sikap kurang sabar muda mudi tersebut.

Menurut Mazhab Syafi'i, perkahwinan seseorang perempuan memerlukan persetujuan wali atau penjaganya<sup>47</sup>. Ini kerana menurut Mazhab Syafi'i, wali adalah syarat sah sesuatu perkahwinan<sup>48</sup>. Wali perkahwinan bagi seorang perempuan ialah bapa dan datuk mengikut keutamaan dari segi syarak. Kepentingan wali adalah sabit dengan sebuah hadis Rasulullah yang berbunyi:

عن أبي موسى عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : لا نكاح إلا  
بولي  
رواه الأربعة

Maksudnya : Tidak terjadi (sah) sesuatu pernikahan itu tanpa wali<sup>49</sup>.

Kedua-dua mereka mempunyai kuasa (wali mujbir) mutlak untuk mengahwinkan seseorang perempuan. Mengikut **Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979**, sesuatu perkahwinan itu tidak diakui dan tidak boleh didaftarkan tanpa persetujuan wali perempuan<sup>50</sup>. Bagaimanapun mengikut pendapat Mazhab Syafi'i, kuasa mutlak wali mujbir itu gugur apabila wali enggan menikahkan anak perempuannya tanpa sebarang alasan yang munasabah. Perkara ini juga diperuntukkan di dalam **Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979** di bawah seksyen 10 (1);

<sup>47</sup>. Ahmad Mohamed Ibrahim, Prof. Tan Sri Datuk, (1999) *Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia*, Malayan Law Journal (MLJ), Kuala Lumpur, hlm 43.

<sup>48</sup>. Al-Zuhayli, Wahbah (Dr.) (1989), *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*, Juz 7 :Dār al-Fikr; Damsyik, Hlm 191.

<sup>49</sup>. Abadi, Muhammad Shams al-Hjaqq (1990) *Sharh Sunan Abu Dawūd*, Beirut: Dār al-Kutub al-'ilmiyyah, hlm 325.

<sup>50</sup>. Seksyen 10 (1) (a) Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979.

(b) *Mahkamah yang mempunyai bidangkuasa di tempat mana pihak perempuan itu bermukim atau bermastautin atau secara am atau khas telah, selepas penyiataan wajar di hadapan semua pihak yang berkenaan, memberi persetujuannya terhadap pernikahan itu sebagai wali raja :*

*Dengan syarat bahawa persetujuan tersebut boleh diberi jika wali tidak boleh didapati untuk bertindak, atau jika wali enggan memberi persetujuannya tanpa sebab yang cukup.*

Undang-undang yang sedia ada ini menunjukkan bahawa masyarakat masih lagi tidak memahami konsep wali dalam perkahwinan. Wali mujbir melaksanakan kuasanya tanpa batasan yang kadangkala terlalu memilih bakal suami tanpa mengambilkira perasaan atau kedudukan anak perempuannya, sedangkan muda mudi sekarang lebih suka memilih pasangan sendiri dan wali pula masih berpegang teguh dengan kuasa ijbarinya. Keadaan ini mewujudkan konflik di dalam keluarga antara anak perempuan dengan walinya. Berdasarkan kes *Adri Kamal Bin Bashir & Nur Rafidah Binti Salleh lwn Majlis Agama Islam Kedah*<sup>51</sup>. Perkahwinan di antara plaintif, *Adri Kamal Bin Bashir* dengan *Nur Rafidah Binti Salleh* telah dilangsungkan pada 11.09.1998 di Wilayah Songkla, Thailand. Perkahwinan ini berlaku kerana tidak mendapat restu daripada wali pihak perempuan iaitu *Saleh Bin Yusuf*, dengan alasan yang diberikan olehnya sewaktu perbicaraan di dalam mahkamah :

*"Adri Kamal dan Nur Rafidah adalah sepupu maka baka tidak ceria dan sekiranya berlaku perkara yang tidak elok di antara mereka akan menyebabkan berkecai perhubungan adik beradik mereka"*<sup>52</sup>.

<sup>51</sup> Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar, Perbicaraan Mal No: 8/99

<sup>52</sup> Ini adalah rakaman keterangan wali di dalam Mahkamah.

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar telah memutuskan bahawa perkahwinan ini boleh didaftarkan kerana mengikut peraturan Syarak<sup>53</sup>. Berdasarkan kes ini serta beberapa kes yang lain, kebanyakan kes perkahwinan tanpa kebenaran yang berlaku di kalangan teruna dan dara kerana tiada persetujuan wali akibat tidak disertai perbincangan terlebih dahulu. Dalam hal ini, wali perlu sedar dan berusaha mempertingkatkan perasaan yang lebih simpati dan menaruh belas dalam hal-hal seperti ini supaya tidak berlakunya perkara yang tidak diingini.

### 2.8.3 Berkahwin Dengan Rakyat Negara Luar

Perkahwinan tanpa kebenaran berlaku kerana terdapat rakyat tempatan (negeri Kedah) yang berkahwin dengan rakyat luar negeri terutamanya negara jiran disebabkan mereka sentiasa berulang alik untuk menguruskan urusan perniagaan di sana. Begitu juga, dengan orang-orang yang bekerja atau sering berulang alik sama ada untuk perniagaan atau pelancongan. Keadaan ini menjadikan faktor berlakunya perkahwinan dengan warga luar negeri di mana mereka sering bertemu dan berjumpa akhirnya mereka mengambil keputusan untuk berkahwin dengan gadis tersebut. Sehubungan itu, pasangan tersebut mudah untuk tinggal di sana apabila urusan perniagaan diperlukan di sana.

Terdapat beberapa kes di Mahkamah Syariah yang berkaitan perkahwinan dengan rakyat luar negeri berbentuk poligami. Ini berdasarkan kes *Mukhtar Bin*

---

<sup>53</sup> Rujuk Lampiran N.

*Hussain & Sri Wanti Binti Berum lwn Majlis Agama Islam Kedah*<sup>54</sup>. Pernikahan di antara Mukhtar Bin Hussain dan Sri Wanti Binti Berum telah dilangsungkan pada 20.11.1997 di Kecamatan Barusjaho, Sumatera Utara Indonesia. Wali pernikahan adalah bapa perempuan dengan mas kahwin Rp. 250.000, tunai. Semasa pernikahan berlaku, plaintif mempunyai seorang isteri yang sah di Malaysia bernama Azizah Binti Md. Noor. Pernikahan ini juga berlaku tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk Daerah. Plaintif yang dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah Kota Setar telah mensabitkan plaintif telah melakukan dua kesalahan iaitu:-

- 1) Pernikahan Tanpa Kebenaran yang menyalahi Seksyen 32(2) **Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979**.
- 2) Poligami Tanpa Kebenaran yang menyalahi Seksyen 109 **Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979**

Mahkamah telah memutuskan bahawa pernikahan ini adalah mengikut syarak tetapi tidak boleh didaftarkan dalam surat nikah Negeri Kedah kerana perkahwinan ini adalah salah di bawah seksyen 109 Enakmen Keluarga Islam 1979<sup>55</sup>.

---

<sup>54</sup>. Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar, Perbicaraan Mal No: 30/99

<sup>55</sup>. Rujuk Lampiran O.

#### 2.8.4 Sindiket Perkahwinan

Wujudnya sindiket yang menguruskan perkahwinan adalah antara faktor yang menyebabkan berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran contohnya di selatan Thailand kerana terpengaruh dengan orang-orang tertentu yang sanggup menguruskan pernikahan secara mudah dan senyap. Golongan ini dikenali dengan beberapa gelaran seperti "kaki". "Kaki" akan mengatur segala-galanya bermula daripada mencari tempat penginapan hinggalah mencari "kaki" di sempadan. "Kaki" di sempadan digelar "belukar" atau "ulat". Mereka ini bukan sahaja memberi perkhidmatan malahan sebagai teman mencari keseronokan, pemandu pelancong, dan juga untuk membeli belah. "Kaki" dari Malaysia biasanya menemui mereka ini sebagai perantara dengan imam. Biasanya "kaki" membawa dua hingga empat pasangan yang akan bernikah. Bayaran perkhidmatan yang dikenakan sebanyak RM 1,500.00 hingga RM 2,000.00. Ia termasuk bayaran kepada imam, penginapan, bayaran "kaki" di sempadan Thailand dan sebagainya. Tetapi kalau di negeri-negeri lain contohnya Negeri Pahang, dalang mengenakan pakej mahal iaitu RM 3,500.00 hingga RM 4,000.00<sup>56</sup>.

Biasanya pasangan yang menggunakan khidmat "kaki" untuk berkahwin adalah pasangan yang ingin berpoligami dan juga pasangan yang tidak mendapat persetujuan ibubapa<sup>57</sup>.

---

<sup>56</sup>. Keratan akhbar bertajuk, Abdul Mutalib. "Dalang Perkahwinan Tanpa Kebenaran", Berita Minggu, 20 Ogos, 2000.

<sup>57</sup>. Temubual bersama Syeikh Mohd Roze Bin Abdul Wahab. Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Kedah pada 17 Januari, 2001.

Pasangan yang pergi berkahwin terpengaruh dengan “kaki” tanpa mengetahui sama ada imam yang menikahkan itu mempunyai tauliah atau tidak, malah tidak menghiraukan sama ada sah atau tidak perkahwinan tersebut. Pasangan yang terlibat merasakan cukup sekadar majlis akadnikah, surat akuan nikah dan surat nikah untuk menjadikan mereka berpuas hati dengan perkahwinan tersebut. Namun perkara mengenai rukun nikah, syarat-syaratnya yang melibatkan hukum syarak tidak diambilkira, sedangkan perkara-perkara ini yang akan menentukan sama ada sah atau tidak sesuatu pernikahan tersebut. Oleh itu, tidak menghairankan apabila terdapat pasangan yang ditipu oleh “ulat” sehingga dua atau tiga ribu ringgit tetapi dibawa menemui imam palsu atau nikah sindiket. Sebagai contoh, pernikahan secara sindiket ini telah dibongkar apabila salah seorang daripada anggota sindiket tersebut telah dikenalpasti sebagai Ismail Bin Ibrahim yang tinggal di Bukit Selambau, Daerah Kuala Muda, Kedah. Dia merupakan salah seorang daripada anggota sindiket yang juga dikenali sebagai “kaki” yang menguruskan pernikahan sindiket<sup>58</sup>.

### 2.8.5 Lain-lain Faktor

Faktor-faktor lain yang menyebabkan banyak pasangan berkahwin tanpa kebenaran ialah;

- a. Berlakunya khalwat atau zina dan hamil sebelum berkahwin.

---

<sup>58</sup> Temubual bersama Syeikh Mohd Abd. Ghani Bin Othman, Ketua Pendakwa Syarie MAIK, pada 17 Januari, 2001.

Faktor khalwat dan zina juga mendorong kepada berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran. Keadaan ini berlaku akibat pergaulan bebas dan usaha untuk menutup malu apabila ditangkap khalwat atau pasangan wanita mengandung sebelum diijab kabul. Akibat pelanggaran hukum ini dan cuba ditutup dengan perkahwinan tanpa kebenaran, maka pihak tersebut terpaksa berkahwin secara sulit untuk mengelakkan tindakan pihak berkuasa yang boleh mendakwa mereka di Mahkamah Syariah atas tuduhan berzina atau melakukan persetubuhan haram, setelah pasangan wanita mengandung. Ini kerana, perbicaraan kes di mahkamah akan melibatkan nama baik keluarga kedua-dua belah pihak tercemar, bagi menjaga nama baik keluarga serta pasangan yang terlibat, pasangan tersebut pergi berkahwin di luar kawasan bermastautin .

b. Hantaran maskahwin yang tinggi serta pengaruh adat tradisi

Perkahwinan tanpa kebenaran boleh berlaku disebabkan hantaran belanja kahwin yang tinggi. Tradisi atau "trend" ikut-ikutan di kalangan masyarakat meletakkan hantaran kahwin terlalu tinggi, mendorong pasangan bakal pengantin mengambil jalan mudah dengan melangsungkan pernikahan di negara jiran.

Justeru, gejala perkahwinan tanpa kebenaran berlaku, apabila pihak keluarga pengantin perempuan tidak mahu bertolak ansur soal adat dengan keluarga lelaki. Kongkongan adat resam masyarakat tempatan yang suka menonjolkan hantaran

kahwin anaknya lebih tinggi dari anak jirannya. menjadi "barah" yang perlu diubati segera jika kes kahwin tanpa kebenaran ingin dihindari<sup>69</sup>.

c. Peraturan perkahwinan yang ketat.

Perkahwinan tanpa kebenaran disebabkan oleh peraturan perkahwinan yang ketat. Pasangan tersebut menyalahkan pihak Jabatan Agama Islam kerana menggubal undang-undang yang dikatakan menyekat kebebasan pasangan yang hendak mendirikan rumahtangga. Pasangan yang ingin berkahwin terpaksa menempuhi pelbagai proses seperti temuduga (kini diganti dengan kursus pra perkahwinan dan mengisi borang-borang tertentu).

Kursus pra perkahwinan atau kekeluargaan tidak menarik minat mereka untuk menyertainya dan ada yang menganggap membuang masa. Di samping itu, pihak tersebut menganggap susah untuk mengisi borang-borang, mendapat tandatangan imam bagi perakuan anak kariah dan taraf perkahwinan. Ini kerana, mereka tidak pernah pergi ke masjid dan kurang bergaul dengan masyarakat termasuk juga imam dan penolong pendaftar nikah cerai dan rujuk. Dengan ini mereka mengambil jalan mudah berkahwin tanpa kebenaran di luar negeri<sup>60</sup>.

Manakala bagi pasangan yang ingin berpoligami, peraturan yang ditetapkan menyekat kebebasan mereka untuk berpoligami. Ini kerana, terpaksa membuat

---

<sup>69</sup> Ibid

<sup>60</sup> Temubual bersama Sheikh Ahmad bin Salleh, Pegawai Agama Daerah Kota Setar pada 5 Februari 2001, bertempat di Pejabat Agama Islam Daerah Kota Setar



permohonan di dalam borang yang mana mahkamah mengenakan pelbagai syarat dalam mengisi borang untuk mengetahui layak atau tidak untuk berpoligami dan terpaksa menunggu masa yang lama. Oleh itu, kerana terlalu lama menunggu kebenaran untuk berkahwin lebih daripada satu, pihak tersebut mengambil jalan mudah lari berkahwin tanpa kebenaran. Ini kerana, di luar negeri tidak mengenakan sebarang peraturan yang menyusahkan pihak tersebut. Faktor belajar dan bekerja di luar negeri juga adalah antara pendorong kepada berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran. Namun faktor-faktor ini, tiada kes di Mahkamah Syariah Daerah Kota Setar. Ini kerana, pasangan terlibat tidak datang untuk mendaftar perkahwinan.

## Kesimpulan

Sebenarnya perkahwinan tanpa kebenaran di luar negeri oleh rakyat negeri Kedah sudah lama terjadi kerana terjalannya hubungan antara negeri-negeri luar dengan Kedah. Di samping itu perkahwinan di luar negeri mudah, senang dan segera. Perkahwinan tanpa kebenaran ada yang boleh daftar dan sebaliknya. Walaupun ia tidak boleh daftar ia bukan menandakan perkahwinan tersebut tidak sah<sup>61</sup>. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan pihak tersebut mengambil keputusan untuk pergi berkahwin di luar negeri seperti faktor poligami, tidak mendapat persetujuan wali atau ibubapa, berkahwin dengan rakyat negeri tersebut, wujudnya sindiket yang menguruskan perkahwinan, faktor zina dan khalwat, belajar dan bekerja di luar negeri, belanja kahwin yang tinggi dan peraturan perkahwinan

---

<sup>61</sup>. Temubual bersama Syeikh Abd. Ghani Othman, Ketua Pendakwa syarie MAIK, pada 17 Januari 2001.

yang ketat. Disebabkan faktor-faktor yang seumpama inilah maka terdapat pasangan-pasangan yang memutuskan untuk berkahwin tanpa kebenaran di luar negeri.